

## PULANG BALIK DUTI EKSAIS KE ATAS BARANG-BARANG YANG DIKEMBALIKAN KEPADA PENGILANG

### 1. BARANG-BARANG YANG DIKENAKAN DUTI EKSAIS

Barang-barang yang dikenakan duti eksais adalah minuman keras/spirit, rokok/tembakau, kenderaan (tidak termasuk kenderaan perdagangan) dan daun terup/mahjung. Kadar-kadar duti adalah seperti yang disebutkan dalam Perintah Duti Eksais 2004.

### 2. PERGERAKAN BARANG BERDUTI EKSAIS

Seksyen 28 Akta Eksais 1976 menyebutkan bahawa tiada apa-apa barang berduti boleh digunakan dalam, atau dipindahkan daripada satu tempat berlesen di bawah seksyen 20 kecuali dengan membayar duti atasnya, di bawah bon untuk dipindahkan ke suatu Gudang Eksais Awam, atau Gudang Berlesen, atau untuk pengilangan di suatu kilang di bawah seksyen 20, atau mana-mana tempat di bawah kawalan eksais, atau untuk dieksport.

### 3. BARANG BERDUTI EKSAIS YANG HILANG, ROSAK ATAU MUSNAH DALAM KAWALAN EKSAIS

Seksyen 14(1) menyebutkan bahawa barang-barang berduti eksais yang rosak, musnah atau kemalangan dan hilang sebelum dipindahkan dari kawalan eksais, maka Ketua Pengarah Kastam boleh meremit kesemua atau sebahagian duti eksais yang kena dibayar.

### 4. BARANG KELUARAN TEMPATAN TIDAK LAYAK MENUNTUT PULANG BALIK DUTI EKSAIS

Barang-barang pengilangan eksais tempatan yang telah keluar dari kawalan Kastam dan segala duti/cukainya telah berbayar dan kemudinanya didapati rosak atau rendah kualiti dan dipulangkan kembali ke kilang, tidak layak menuntut pulang balik duti/cukai yang telah dibayar tersebut.

Tidak ada peruntukan undang-undang di bawah Akta Eksais 1976 yang membenarkan tuntutan berkenaan.

### 5. BARANG-BARANG IMPORT LAYAK MENUNTUT PULANG BALIK DUTI EKSAIS IMPORT

Seksyen 19D Akta Eksais 1976 adalah peruntukan bagi membolehkan barang-barang import dan berbayar duti eksais, kemudianya di dapati rosak atau rendah kualiti, dan seterusnya dimusnahkan dengan kehadiran KDRM boleh menuntut pulang balik duti eksais yang telah dibayar semasa import.

Peruntukan ini **tidak terpakai** atas barang-barang keluaran tempatan untuk pasaran tempatan.

### 6. SIAPA YANG MELULUSKAN PULANG BALIK DUTI EKSAIS BAGI BARANG KELUARAN TEMPATAN

Menteri Kewangan melalui seksyen 11(2) Akta Eksais 1976 berhak menimbang atau meluluskan pulang balik duti eksais atas barang-barang keluaran tempatan yang rosak atau rendah kualiti yang dikembalikan ke kilang. Pengilang / pembayar duti yang terlibat dikehendaki membuat permohonan ke Kementerian Kewangan untuk tujuan pulang balik duti eksais berkaitan , melalui Pengarah Kastam Negeri yang mengawal kilang. Satu salinan permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Analisa Cukai Kementerian Kewangan dan Bahagian Cukai Dalam Negeri Ibu Pejabat KDRM. Alamat pejabat adalah seperti berikut:-

**Kementerian Kewangan Malaysia  
Bahagian Analisa Cukai  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 Putrajaya.**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Cukai Dalam Negeri  
Arsa 4 Selatan  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 3 Persiaran Perdana  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 Putrajaya**

Dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:

- i. Borang-borang Eksais 7 yang berkaitan dan resit bayaran.
- ii. Sijil pemusnahan yang ditandatangani oleh Pegawai Kanan Kastam atau dokumen pengesahan kilang semula
- iii. Inbois jualan dan ringkasan inbois jualan

### 7. SYARAT-SYARAT BAGI TUJUAN TUNTUTAN PULANG BALIK DUTI EKSAIS

- i. Barang yang dikembalikan dapat dicam/dikenalpasti bagi tujuan pulang balik duti;
- ii. Bagi mengemukakan barang pengilang eksais tempatan syarikat perlu menyediakan tanda pengenal khusus bagi keluaran mereka bagi menentukan tarikh pengeluaran sebenar barang (seperti bar code dan sebagainya);
- iii. Hanya barang-barang rosak, rendah mutu atau cacat dan tidak dikontrakkan sahaja dibenar membuat tuntutan;
- iv. Barang-barang yang dipulangkan adalah bagi tujuan pemusnahan atau untuk diproses semula sahaja;
- v. Barang-barang yang dilulus untuk dilupuskan secara eksport layak membuat tuntutan;
- vi. Masa yang dibenarkan adalah 3 bulan dari tarikh pembayaran duti;
- vii. Barang-barang mudah rosak tidak boleh dibuat tuntutan;
- viii. Hanya pengilang/pembayar duti eksais yang layak menuntut;
- ix. Barang-barang yang dibenarkan hanyalah yang terjual di peringkat pertama dan belum lagi dijual atau dilepaskan ke peringkat seterusnya. Barang-barang di peringkat dealer / wholeseller dan runcit tidak layak membuat tuntutan;
- x. Bagi barang-barang yang dikembalikan tetapi boleh digunakan semula (reprocess), satu penyata hendaklah disediakan bagi menentukan pergerakan stoknya;
- xi. Pemusnahan hendaklah dilakukan selaras dengan kehendak akta.

**Untuk keterangan lanjut sila hubungi  
Cawangan Cukai Eksais**

<b>Pejabat Kastam</b>	<b>No. Telefon</b>
Pelabuhan Kelang	03-31693888
Pulau Pinang	04-2622411/12
Seberang Perai	04-3972969
W. Persekutuan	03-7884080
KLIA Sepang	03-87768503
Johor Bahru	07-2225666
Kluang	07-722757
Muar	06-9864270
Batu Pahat	07-4355440
Kota Bharu	09-7481508
Rantau Panjang	09-7950349
Alor Setar	07-7751212
Sg. Petani	04-4210608 / 4412475
Kulim	04-4905161 / 4847136
Ipoh	05-5274322
Taiping	05-8073966
Lumut	05-6835280
Teluk Intan	05-6221055
Melaka	06-2312355
Seremban	06-6793700
Kuantan	09-5163515
Bentong	09-2221064
Temerloh	09-2964263
Kuala Terengganu	09-6204242
Kemaman	09-8591201/8281335
Perlis	04-9761420
Kota Kinabalu	088-239659/838472
Tawau	089-772580
Sandakan	089-219908/670153
Lahad	089-881531
Kuching	082-334172/334727
Miri	085-437951
Sibu	084-333422
Bintulu	086-331112
Sarikei	084-652170/652299
Limbang	085-211377



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**Siri Panduan Kastam**

**AKTA EKSAIS 1976**

**PULANG BALIK DUTI EKSAIS  
KE ATAS BARANG-BARANG  
YANG DIKEMBALIKAN  
KEPADА PENGILANG**

**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**No. Telefon : 03-88822100**

**No. Fax : 03-88895869**

<http://www.custom.gov.my>

**Email : cd@customs.gov.my**